

23 NOV 1999

Samy-Kuasa

HANYA BN BERUPAYA JAGA KEPENTINGAN MELAYU, KATA SAMY

SUNGAI SIPUT, 23 Nov (Bernama) -- Hanya Barisan Nasional (BN) yang diterajui UMNO berupaya menjaga kepentingan orang Melayu dan ini terbukti dengan perubahan sosio-ekonomi mereka sejak kemerdekaan.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata masyarakat pelbagai kaum di negara ini termasuk India, Cina, Dayak dan Kadazan telah menerima wakil UMNO sebagai pemimpin kerana menyedari orang Melayu merupakan majoriti penduduk.

Walaupun orang Melayu memegang teraju pemerintahan, kepentingan kaum lain tidak diabaikan dan semua golongan berpeluang mengumpul kekayaan negara, katanya pada ceramah pilihan raya di Kampung Jalong dekat sini malam tadi.

Samy Vellu, Menteri Kerja Raya, mempertahankan kerusi Parlimen Sungai Siput pada pilihan raya 29 Nov ini.

Beliau berkata Kabinet yang dianggotai wakil semua kaum mengambil keputusan secara kolektif dan sebarang masalah yang melibatkan kaum tertentu diselesaikan secara perundingan.

Katanya, di bawah kerajaan BN, orang Melayu telah maju dalam setiap bidang dan ada yang telah mendapat pengiktirafan dunia.

"Apakah kita mahu kembali ke zaman sebelum kemerdekaan. Dulu kita panggil orang lain Tuan, sekarang orang panggil kita Tuan," katanya.

Samy berkata jika pakatan pembangkang berkuasa, mereka tidak mempunyai pemimpin yang layak menjadi Perdana Menteri dan akan ada persaingan antara DAP, PAS dan Keadilan.

"BN telah wujud sejak merdeka, tidak pernah cerai. Parti pembangkang setiap kali pilihan raya akan kahwin baru dan cerai selepas pilihan raya... mereka adalah parti tanpa tujuan," katanya.

Beliau berkata BN telah membuktikan keupayaannya membangunkan negara dan menjamin kestabilan, sedangkan PAS yang telah berkuasa di Kelantan selama sembilan tahun tidak mempunyai apa-apa yang boleh ditunjukkan di negeri itu.

"Ini adalah masa untuk kita melihat masa depan anak-anak kita. Tetapkan masa depan mereka sekarang dan jangan gadaikan semata-mata kerana hasutan sesetengah pihak," kata beliau.

Beliau berkata kestabilan yang diwujudkan BN perlu dikekalkan bagi memastikan sektor ekonomi terus berkembang dan perniagaan yang dijalankan mendapat keuntungan.

"Kerajaan yang beri kekuatan ekonomi...tanpa ekonomi yang kuat, tidak akan ada pekerjaan," kata beliau.

Beliau berkata ini semua adalah hasil kerja kuat kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang perlu diberi mandat sekali lagi bagi memastikan kesinambungannya.

-- BERNAMA

AR NMO